

## BAB 3 KESEDARAN PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA

Pembinaan Negara bangsa di Malaysia:

- Ciri negara dan bangsa diasaskan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.
- Kuasa Barat mengubah konsep kerajaan & masyarakat Melayu tradisional.
- Pengenaln gagasan Malayan Union untuk membina bangsa dan negara
- Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 menggabungkan semua Negeri Melayu dalam pentadbiran pusat.
- Malaysia dibentuk penggabungan Singapura, Sabah & Sarawak

Ciri-ciri pembentukan politik Melayu tradisional.

- Muncul kerajaan. Contoh Kerajaan Melayu Melaka, Kerajaan Melayu Kedah.
- Kedudukan Raja – tinggi dan istimewa. Contoh Kedaulatan Raja dalam pemerintahan.
- Raja bertanggungjawab – perlindungan politik dan jamin keselamatan.
- Rakyat akui kekuasaan Raja. Contoh: Daulat dan derhaka serta tular atau sumpah Raja terhadap penderhaka.
- Kesetiaan rakyat tentukan sempadan kerajaan.
- Kekuatan kerajaan dapat menakluk kerajaan lain.

Konsep Negara dalam zaman penjajahan.

Melayu	British
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Negeri bererti kawasan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap kerajaan Melayu ialah negeri</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keseluruhan kerajaan ialah negeri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tetapkan setiap sempadan</li> </ul>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Konsep kerajaan diganti dengan konsep negeri</li> </ul>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyatuan kerajaan bentuk Malayan Union – Konsep Negara Moden</li> </ul>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tukar kepada Persekutuan PTM 1948</li> </ul>

Konsep Negara Bangsa Selepas Merdeka

- Gabungan negeri menjadi Persekutuan Tanah Melayu 1957.
- Wujud konsep Negara bangsa bila wujud Malaysia pada 16.09.63
- Berbilang kaum – berlainan bahasa, budaya, kepercayaan dan pendapat.
- Pembentukan melalui satu bahasa, satu kebudayaan kebangsaan, dan rukun Negara.
- Hasil perjuangan kemerdekaan dan pengisian dan pengekalan merdeka.
- Proses pembinaan berterusan berteraskan perpaduan dan progresif.

## Konsep Bangsa Malaysia

**Bangsa:** Merujuk kepada sekumpulan manusia yang berada dalam satu ikatan ketatanegaraan atau warganegara sesebuah negara berteraskan budaya yang diamalkan dan dikongsi bersama.

Contoh: Bangsa Malaysia sebagai konsep baru bagi rakyat berbilang kaum

**Wujud:** Melalui kemerdekaan dan pembentukan Malaysia 16 September 1963, lahirnya negara dan bangsa Malaysia

**Terdiri:** Bangsa Malaysia terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, berlainan bahasa, budaya, kepercayaan dan pendapat tentang keduniaan.

**Cara:** Melalui penggunaan satu bahasa kebangsaan, pengenalan kebudayaan kebangsaan dan Rukun Negara dalam setiap bidang kehidupan.

## PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA DI EROPAH

- Tercetus di Eropah hujung abad ke-18 dan ke-19.
- Ekoran munculnya revolusi Inggeris 1688, Perang Kemerdekaan Amerika Syarikat 1776, dan Revolusi Perancis 1789.
- Muncul idea hak rakyat, kerajaan berpelembagaan, dan negara bangsa moden.
- Ikut sempadan rumpun bangsa.
- Zaman moden di Eropah Barat mula pada hujung abad ke-16. Mula Nasionalisme
- Mula dan penting kerana wujud entiti politik berasaskan keagamaan dan idea negara bangsa.
- Ancam empayar Austria, Russia, dan Turki yg ada penduduk berbilang kaum.
- Nasionalis guna bahasa dan bangsa bagi bentuk negara bangsa.
- Perang Dunia 1 telah mewujudkan negara bangsa seperti Jerman, Itali, Lituania, Latvia, Yugoslavia, Chechoslovakia, Estonia, Finland , kerana pecahan empayar Austria, Russia, dan Turki.
- Pada 1860 ,Count Camillo Benso satukan Italy melalui konsep realpolitik.
- Bergabung dengan Perancis ( Napoleon III ) kalahkan Austria.
- Satukan rakyat Italy dengan konsep Monarki

## Konsep negara bangsa moden di Eropah

1. Penghujung abad ke-18 dan awal ke-19, selepas Revolusi Inggeris (1688), Perang Kemerdekaan Amerika (1776) dan Revolusi Perancis (1788).
2. Munculnya idea tentang hak rakyat, kerajaan berpelembagaan dan negara bangsa moden.
3. Pembentukan negara moden adalah mengikut sempadan rumpun bangsa bagi menggantikan bentuk negara feodal
4. Di Eropah Barat, zaman moden awal bermula pada sekitar pertengahan atau penghujung abad ke-16.
5. Nasionalisme telah menyebabkan munculnya idea negara bangsa dan terhakisnya institusi politik berasaskan agama.
6. Kebangkitan nasionalisme mengancam empayar Austria, Rusia dan Turki yang mempunyai penduduk berbilang bangsa.

7. Nasionalis menggunakan unsur persamaan rumpun bangsa dan bahasa untuk membentuk negara bangsa masing-masing.

### Pergolakan Dunia

1. Perang Dunia Pertama (1914-1918) berakhir dengan kekalahan Jerman dan sekutunya
2. Di Perancis, Persidangan Damai Paris membuat kesepakatan melalui Deklarasi Empat Belas Perkara Woodrow Wilson.
3. Deklarasi ini mencadangkan dua prinsip iaitu penentuan nasib negara oleh rakyat sendiri dan sempadan negara berasaskan bangsa
4. Empayar Austria-Hungary dan Turki telah dibahagikan selepas mengalami kekalahan dan negara-negara itu telah diberi kemerdekaan. Dengan itu wujudlah negara bangsa yang baru di Eropah seperti Czechoslovakia Estonia, Finland, Latvia, Lithuania, Poland dan Yugoslavia.
5. Yugoslavia terdiri daripada Serbia, Slovenia, Montenegro, Croatia dan Bosnia Herzegovina.

### Negara Bangsa Itali

1. Itali awalnya terbahagi kepada beberapa wilayah
2. Bahagian utara Venetia dan Lombardy yang masih dikuasai Austria.
3. Itali mahu menyatukan wilayah-wilayah mereka di bawah sebuah pemerintahan dan halau orang Austria dari bumi Itali
4. Count Camilio Benso di Cavour menggunakan amalan realpolitik
5. Satukan Itali menjadi sebuah negara berlandaskan pemerintahan monarki.
6. Wujud kerjasama dengan Napoleon 111 (pemerintah Perancis) bagi menentang Austria pada 1860.
7. Pemikiran politik yang dipelopori Niccolo Machiaveli dalam bukunya The Prince
  - a. Membenarkan apa sahaja tindakan untuk mencapai matlamat termasuk tipu helah, kekerasan bersenjata dan peperangan untuk mencapai matlamat politik
8. Menyemarakkan sentimen anti Austria.
  - a. Perang Kemerdekaan menentang Austria
  - b. Hadkan pengaruh gereja katolik.
  - c. Bantuan tentera Napoleon 111, Itali berjaya menewaskan Austria
9. Pungutan suara diadakan , Camilio memperoleh sokongan majoriti rakyatnya untuk menyatukan Itali
10. 1866, Prusia berjaya menewaskan Austria dengan bantuan Itali dan sebagai balasan wilayah Venetia dipulangkan kepada Itali.
11. 1870, Perancis mengundurkan tenteranya dari Rom, Camilio mengambil peluang ini untuk menyatukan Rom dan Itali.
12. Penyatuan Rom dan Itali membentuk sebuah negara bangsa Itali.

### Negara Bangsa Jerman

Di Jerman, Otto Eduard Von Bismarck juga mengamalkan realpolitik, politik darah dan besi

(diktator) untuk menyatukan negara Jerman pada 1871
Beliau menggunakan pelbagai taktik seperti tipu helah, pemalsuan dokumen, provokasi, penipuan dan ugutan untuk mencetuskan peperangan.
Rakyat Jerman menerima cara yang digunakan oleh Bismarck untuk menyatukan Jerman.
Bismarck menggunakan isu membenci kuasa asing untuk memenangi dan menaikkan semangat rakyat Prusia di medan peperangan. Untuk menyatukan Jerman, Bismarck telah melancarkan tiga peperangan menentang Denmark (1864), Austria (1866) dan Perancis (1870)
Bismarck menggunakan isu membenci kuasa asing untuk memenangi dan menaikkan semangat rakyat Prusia di medan peperangan. Untuk menyatukan Jerman, Bismarck telah melancarkan tiga peperangan menentang Denmark (1864), Austria (1866) dan Perancis (1870)
Pembentukan negara bangsa di eropah adalah melalui amalan Realpolitik serta politik darah dan besi.

#### Kerajaan Islam Madinah

1. Pembentukan Kerajaan Islam Madinah adalah mengikut prinsip Islam iaitu Nabi Muhammad s.a.w
2. Menyusun perlembagaan terlebih dahulu sebelum mengasaskan Kerajaan Islam di Madinah.
3. Piagam Madinah berjaya menyatukan penduduk yang berbilang kaum iaitu Yahudi, orang Kristian dan orang Arab.
4. Dengan cara diplomasi, usyawah dan permuafakatan baginda berjaya membentuk kerajaan Islam di Madinah

#### Malaysia

1. Pembentukan negara Malaysia adalah berkat kebijaksanaan pemimpin yang berpandangan jauh dan tiada pertumpahan darah.
2. Kemerdekaan dicapai melalui rundingan, pakatan murni dan tolak ansur antara tiga kaum terbesar di negara ini.
3. Ciri-ciri
  - a. Negara
    - i. Wilayah yang mempunyai penduduk, sempadan dan pemerintah yang berwibawa
    - ii. Negara Malaysia terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak
    - iii. Merujuk institusi pemerintahan yang tersusun yang bertanggungjawab membuat dan melaksanakan
    - iv. Keputusan politik serta menguatkuasakan undang-undang dan peraturan kerajaan.
  - b. Bangsa
    - i. Merujuk sekumpulan manusia yang mendiami sesebuah wilayah

- ii. Mempunyai persamaan dari segi bahasa, adat resam, kesenian dan pengalaman sejarah
- c. Kerajaan
  - i. Institusi pemerintah yang bertanggungjawab menggubal dan melaksana dasar sesebuah negara
  - ii. Merangkumi semua badan yang membuat, mentafsir dan melaksanakan dasar tersebut
  - iii. Bertindak sebagai pengaman dan penentu arah kehidupan masyarakat sesebuah negara.
  - iv. Kerajaan di negara kita merujuk kepada 3 badan iaitu:
    - v. badan perundangan
    - vi. badan pelaksana
    - vii. badan kehakiman
- d. Perlembagaan
  - i. Peraturan tertinggi negara. Sama ada bertulis atau tidak bertulis yang menjadi rujukan dan panduan bagi mentadbir dan memerintah sesebuah negara.
  - ii. Di Malaysia, merupakan peraturan bertulis tertinggi yang didokumenkan dan dijadikan rujukan untuk mentadbir negara.
  - iii. Bertujuan memberi jaminan perlindungan kepada rakyat negara ini.

#### KESULTANAN MELAYU MELAKA ASAS PEMBENTUKAN NEGARA DAN BANGSA

- a. Masyarakat
  - a. Kesultanan Melayu Melaka mempunyai masyarakat tersusun dan berperaturan
- b. Pemerintahan
  - a. Memiliki sistem pentadbiran dan politik tersendiri. Contoh Sistem Pembesar Empat Lipatan.
- c. Warisan
  - a. Meninggalkan pelbagai kesan dan warisan sosiopolitik dalam sistem pemerintahan negara kita
- d. Pengertian kedaulatan zaman Kerajaan Melayu Melaka berbeza kedaulatan negara moden.
- e. Aspek daulat dirujuk kepada raja yang memerintah